



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

22 MAC 2021 (ISNIN)



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

22 MAC 2021 (ISNIN)

Harga telur turun 2 hingga 11 sen

Orang ramai tidak perlu bimbang bekalan dijamin selamat dimakan

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kebimbangan orang ramai untuk membeli telur susulan isu pencemaran Salmonella Enteritidis (SE), menyebabkan harga bekalan itu turun antara dua hingga 11 sen sejiji mengikut gred dalam pasaran.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid, berkata pihaknya menerima laporan keadaan itu berlaku kerana harga telur adalah mengikut pa-

"Apabila ramai orang tidak mahu membelinya, maka harga akan turun dan ini memberi kelebihan kepada pengguna."

"Bagaimanapun, kita menasihati pengguna supaya tidak perlu takut untuk membeli telur kerana bekalananya bukan saja selamat,



Orang ramai membeli telur ketika tinjauan di sekitar Pasar Besar Jalan Othman, Petaling Jaya, semalam.

(Foto Rohanis Shukri/BH)

sing sehingga siasatan selesai dijalankan.

Beliau berkata, ada 50 pengeluar telur di Malaysia dengan dua saja dikesan terbabit isu berkenaan, iaitu di Jeram, Selangor, serta Linggi, Negeri Sembilan.

Katanya, insiden pencemaran telur keluaran syarikat itu adalah kes terpencil, sekali gus tidak mengganggu bekalan tempatan.

Beliau berkata, pengguna dinasihatkan hanya memakan telur dimasak dengan sempurna dan



Kita menasihati pengguna tidak perlu takut untuk membeli telur kerana bekalananya bukan saja selamat, malah berlebihan.

Rosol Wahid,
Timbalan Menteri Perdagangan
Dalam Negeri dan
Hal Ehwal Pengguna
mengelakkan pengambilan secara mentah atau kurang masak.

"Bakteria itu akan mati jika telur dimasak dengan sempurna. Oleh itu, elak daripada memakannya secara mentah atau kurang masak," katanya.

SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!

HARI : ISNIN
TARIKH : 22/3/2021
M/SURAT : 16

 Senarai Harga Barang Keperluan	• Ayam RM5.99	• Telur Gred A RM7.99	• Gula Pasir RM2.85	• Cili Merah RM12.70
	• Daging Lembu Tempatan RM35	• Ikan Kembung RM6.50	• Bawang Besar Holland RM2.69	• Kubis Bulat Tempatan RM3.80
	• Daging Lembu Import RM28	• Minyak Masak RM5.32	• Bawang Putih RM4.80	• Tepung Gandum RM2.15

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(BERITA UMUM)**

22 MAC 2021 (ISNIN)

Rosol: UMNO jangan kacau kerusi Bersatu

Dari muka I

Beliau turut mengesahkan kerjasama MN dengan Bersatu tetapi dibincangkan dalam mesyuarat MN malam kelmarin selepas mengambil kira pengaruh Melayu dan Islam.

Dalam pada itu, Rosol dalam masa sama turut menjelaskan beliau setakat ini akan terus mempertahankan kerusi Hulu Terengganu yang disandang.

"Ya, setakat ini saya akan bertanding di situ dan Bersatu akan pertahankannya yang ia adalah hak Bersatu. Bagaimanapun, perkara itu boleh dibincang kembali, tak ada masalah," ujarnya.

Sementara itu, Ketua Pemuda Pas, Khairil Nizam Khrudin turut mengingatkan UMNO dan Bersatu supaya tidak mendobrak dada atau gosar dengan saingan antara kedua-



“...saya akan bertanding di situ dan Bersatu akan pertahankannya

“Tiada aban”
UTUSAN
Malaysia
12 Mac
2021.

Rosol hanya wakili 3,364 pengundi?

SAUDARA PENGARANG.

MENGULAS kenyataan Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu), Datuk Rosol Wahid dalam *Utusan Malaysia* pada 12 Mac lalu yang meminta UMNO jangan kacau kerusi Bersatu di Parlimen Hulu Terengganu yang akan ditandinginya semula pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15).

Saya terpanggil untuk mengemukakan pendapat bagi pihak 3.3 juta ahli UMNO di peringkat akar umbi bahawa Rosol telah menang kerusi itu sebagai calon parti yang telah ditinggalkannya.

Beliau memperoleh 30,925 undi ahli dan penyokong UMNO pada PRU-14. Kemudian, Rosol telah mengisyiharkan keluar UMNO untuk menjadi Ahli Parlimen Bebas dan selepas itu pada 14 Disember 2018 menjadi ahli Bersatu.

Sehingga hari ini, beliau hanya disokong oleh satu undi sahaja iaitu dirinya sendiri dan tidak berhak ke atas baki 30,924 undi ahli dan penyokong UMNO.

Anehnya, beliau memilih untuk mewakili 3,364 pengundi yang tidak mengundinya pada PRU-14 kerana mereka telah memangkah calon Bersatu yang kalah, Razali Idris.

Oleh kerana Rosol tidak lagi mewakili baki majoriti 30,924 pengundi dalam kalangan ahli dan penyokong UMNO, saya berpendapat gugur kelayakan beliau sebagai salah seorang daripada 222 ahli Dewan Rakyat mengikut Perlembagaan Persekutuan.

Kerusi Parlimen Hulu Terengganu perlu diisyihar kosong untuk membolehkan pengundi memilih wakil rakyat baharu. Itulah pendapat saya sebagai rakyat Malaysia yang patriotik.